



## Pengkaji NTU cipta teknologi imej bagi fotografi berwarna tanpa lensa

13/3/2018 20:31 Update: 13/3/2018 22:52



SINGAPURA: Para pengkaji di Universiti Teknologi Nanyang (NTU) mencipta satu teknologi pengimejan bagi fotografi berwarna.

Ia tidak menggunakan lensa dan turas warna yang terdapat pada kamera konvensional. Malah, teknologi itu boleh digunakan bagi memastikan keselamatan makanan.

Teknologi baru itu boleh mengesan dengan cepat spektrum warna di dalamnya yang berbeza. Ini membayangkan bahan-bahan berlainan dan tahap kesegaran jus tersebut.

Walaupun alat spektrometer boleh melakukan tugas yang sama, ia jarang digunakan dalam industri makanan kerana kosnya yang tinggi.

Teknologi berkenaan tidak memerlukan penggunaan lensa. Sebaliknya permukaan kaca tidak lut sinar itu memecahkan cahaya dan jarak gelombangnya dirakam alat sensor monokrom.

Sebuah pasukan algoritma kemudian mencipta semula imej berwarna. Para penyelidik itu sudahpun memfailkan paten bagi teknologi baru itu pada Julai tahun lalu.

Syarikat-syarikat farmaseutikal juga menunjukkan minat untuk menggunakan teknologi itu bagi tujuan kawalan mutu.

- CNA/UR/im

